



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SESI PERTEMUAN YAB PERDANA MENTERI BERSAMA SYARIKAT-SYARIKAT PENGENDALI PERKHIDMATAN PARCEL HAILING (P-HAILING)

Sejurus pertemuan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama rakan-rakan penghantar perkhidmatan *parcel hailing (p-hailing)* pada 22 Julai 2023 bagi memahami cabaran yang dihadapi mereka, YAB Perdana Menteri telah mengarahkan supaya satu pertemuan susulan diadakan bersama syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan *p-hailing*.

Syarikat-syarikat pengendali *p-hailing* akan dipanggil untuk berjumpa dengan YAB Perdana Menteri dalam satu pertemuan yang dijadualkan pada 8 Ogos 2023.

Kerajaan Perpaduan sentiasa memberi perhatian terhadap isu kebajikan pekerja *p-hailing* dan terus komited dalam usaha memelihara kesejahteraan mereka di samping memastikan kemampanan pembangunan industri *p-hailing* selaras dengan konsep Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.

-Tamat-

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel 1800 88 7723 (Aduan MOT)
Faks +603 8892 0208
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

